

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM]

TARIKH : 23 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini tuntutan MA63 dan adakah kerajaan bercadang untuk membentangkan semula usul pindaan Perkara 1 (2) Perlembagaan Persekutuan dalam masa terdekat ini.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH DAN SARAWAK)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi menzahirkan komitmen dan keseriusan Kerajaan berhubung usaha-usaha untuk mengembalikan hak-hak negeri Sabah dan negeri Sarawak seperti mana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63), Jemaah Menteri pada 9 September 2020 yang lalu telah bersetuju dengan penubuhan Majlis Khas Mengenai Perjanjian Malaysia 1963 (**Majlis Khas MA63**). Keputusan Jemaah Menteri ini telah diumumkan sendiri oleh YAB Perdana Menteri sewaktu sambutan Hari Malaysia di Sibu, Sarawak pada 16 September 2020 yang lalu. Penubuhan Majlis Khas ini adalah selaras dengan syor dan keputusan Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (JKKK MA63) yang telah dibubarkan pada 18 November 2019 di bawah Kerajaan terdahulu.

2. Kerajaan pada masa kini sedang memuktamadkan struktur dan komposisi Majlis Khas MA63. Pada dasarnya, Majlis Khas MA63 akan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan turut dianggotai oleh YAB Ketua Menteri Sabah, YAB Ketua Menteri Sarawak serta beberapa orang Menteri Persekutuan yang berkaitan. Majlis Khas ini dijangka akan bersidang buat kali yang pertama pada bulan November ini bagi membincangkan serta membuat ketetapan berhubung perkara-perkara yang penting dan perlu dipercepatkan diselesaikan. Selain itu, Majlis Khas juga akan meneliti isu-isu yang berbangkit berhubung pelaksanaan keputusan-keputusan di bawah Jawatankuasa Kabinet terdahulu bagi memastikan perkara-perkara yang boleh diselesaikan atau dengan izin, "*low hanging fruit*" dilaksanakan dengan segera. Ini menunjukkan keikhlasan Kerajaan Persekutuan dalam menjamin hak-hak negeri Sabah dan negeri Sarawak dilaksanakan selaras dengan hak-hak yang dijamin di bawah undang-undang dan perlembagaan negara. Majlis Khas ini akan diurusetiakan oleh Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri (BHESS), yang bertanggungjawab memastikan isu-isu

yang berkaitan dengan MA63 dapat diselesaikan dan dilaksanakan dengan telus dan berkesan.

3. Dalam hal ini, Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri (**BHESS**) akan memantau rapi pelaksanaan keputusan-keputusan yang telah dicapai di bawah Jawatankuasa Kabinet terdahulu oleh jawatankuasa kerja-jawatankuasa kerja yang telah ditubuhkan di peringkat Kementerian/Agensi Persekutuan yang terlibat dalam proses semakan pelaksanaan MA63 sebelum ini. Setiap kementerian/agensi terlibat akan mengemukakan pelaporan secara berkala kepada BHESS dan pelaporan ini akan dibentangkan di peringkat Majlis Khas MA63.

4. Kerajaan yakin bahawa kejayaan dalam agenda ini akan meredakan ketidak-puasan hati rakyat di negeri Sabah dan Sarawak yang selama ini merenggangkan perpaduan dan integriti wilayah yang kukuh serta sekaligus akan dapat memperkasakan patriotisma dan nasionalisma negara bangsa.

5. Manakala berhubung dengan status cadangan untuk meminda Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan, hala tuju mengenai pindaan ini akan diperincikan secara bersama di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dalam Majlis Khas MA63 yang akan bersidang pada bulan November ini. Ini bagi memastikan apa-apa perancangan yang akan dibuat berhubung perkara ini adalah berdasarkan konsensus bersama serta menepati lunas perundangan khususnya Perlembagaan Persekutuan, selaku undang-undang tertinggi dalam negara.

Sekian, terima kasih.